

Headline	Pengarang Utusan Malaysia dianugerah DPSM		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	20 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	4
ArticleSize	358 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 23,984		



**IDRIS HARON** bersalaman dengan **Zulkefli Hamzah** yang menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka yang membawa gelaran Datuk selepas Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambuan Hari Jadi Ke-78 Yang Dipertua Negeri, Tun Khalil Yaakob di Seri Negeri, Melaka, semalam. - MINGGUAN/AZLI AHAD



**KHALIL YAAKOB** menyampaikan Darjah Pangkuan Seri Melaka kepada **Noor Azian Abdul Hamid** di Melaka, semalam.

## Pengarang Utusan Malaysia dianugerah DPSM

**MELAKA 19 Nov.** - Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah merupakan antara 425 penerima anugerah darjah, bintang dan pingat kebesaran negeri Melaka sempena Sambuan Hari Jadi Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob Ke-78 di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Zulkefli menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk pada sesi ketiga majlis penganugerahan sempena hari lahir Yang Dipertua Negeri Melaka yang disambut pada 14 Oktober lalu.

Sesi terakhir majlis penganugerahan tersebut diketuai Pengarah Urusan syarikat Oriental Food Industries Holdings Berhad, Datuk Son Chen Chuan yang menerima Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) membawa gelaran Datuk Seri.

Sebanyak lapan individu menerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira, antaranya Timbalan Pengerusi Boon Siew



Honda Sdn. Bhd., Datuk Seri Tan Hui Jing; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr. S. Jeyaindran; Timbalan Ketua UMNO Bahagian Masjid Tanah, Datuk Abd. Talib Bachek dan Penasihat Undang-Undang UMNO, Datuk Mohd. Hafarizam Harun.

Lima penerima Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk antaranya ialah Duta Besar Malaysia ke Perancis, Datuk Ibrahim Abdullah dan Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan di Jabatan Perdana Men-

teri, Datuk Mazlan Lazim.

Dalam pada itu, seramai 68 penerima DPSM yang membawa gelaran Datuk antaranya Pengerusi Edra Power Holdings Sdn. Bhd., Lin Jian; Ketua Pegawai Eksekutif Prime-works Studio, Ahmad Izham Omar; Pengurus Besar Komunikasi Korporat Tenaga Nasional (TNB), Omar Sidek dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Noor Azian Abdul Hamid.

Sementara itu, seramai 20 penerima Darjah Seri Melaka (DSM) diikuti 33 penerima pingat Bintang Cemerlang Melaka (BCM), 72 penerima Bintang Khidmat Terpuji (BKT), 110 penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 90 penerima Pingat Bakti Masyarakat (PBM) dan 18 penerima Pingat Khidmat Lama (PKL) menerima anugerah masing-masing.

Majlis penganugerahan sesi pertama dan kedua telah berlangsung pada 15 dan 16 Oktober lalu.